

# Kes anak Tun Ghafar selesai

**K**UALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi Syariah di sini, semalam meluluskan permohonan dua anak perempuan Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba bagi menyelesaikan kes tuntutan hak penjagaan bersama untuk menguruskan harta adik bongsu mereka, Kartika Sri, 10, di luar mahkamah.

Sebelum ini, Hamidah, 48 dan Salmah @ Sally, 55, meminta mereka dilantik sebagai penjaga bersama bagi menguruskan harta Kartika iaitu wang pencen terbitan yang dianggarkan berjumlah RM17,000 sebulan yang diterimanya.

Kartika ialah anak hasil perkahwinan antara Ghafar dan bekas isteri keduanya, D Heryati Abdul Rahim, 45.

Dalam prosiding kes semalam, Hakim Syarie Zulfikri Yasoa membenarkan permohonan Hamidah dan Salmah untuk menyelesaikan kes itu secara sulh (perbincangan) di luar mahkamah.

Beliau juga membenarkan butir persetujuan yang diperolehi antara kedua-dua anak Ghafar itu dan Heryati tidak direkodkan di mahkamah.

Hamidah dan Salmah diwakili peguam syarie, Kamar. Ainiyah Kamaruzaman, manakala Heryati diwakili peguam syarie Muhammad Burok.

Sementara itu, Heryati ketika ditemui di luar mahkamah berkata, beliau akan menjaga Kartika dengan baik dan menjadi pemegang amanah kepada akaun wang pencen yang diterima Kartika.